

# E-BULETIN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA

BIL. 1/2022

KAMI SEDIA MEMBANTU



## MAJLIS AMANAT TAHUN 2022: PERKHIDMATAN KESIHATAN DIPERTINGKAT DEMI RAKYAT





PROGRAM IMUNISASI COVID-19  
KEBANGSAAN KANAK-KANAK  
(PICKIDS)



TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME  
(TDP) PERTINGKAT KUALITI  
KEPIMPINAN



MAJLIS PELANTIKAN KETUA &  
TIMBALAN PROFESION KESIHATAN  
BERSEKUTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SIDANG PENGARANG MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA

### Penasihat

YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

### Pegawai Penyelaras

Encik Za'aba bin Hj. Abu Bakar  
Puan Nor Suraiti bt Madianuddin  
Cik Mona Ang  
Puan Nurul Ridzwani binti Ali Noor Radzi  
Cik Nurul Nadiah binti Zaipol

### Pereka Grafik dan Susun Atur

Encik Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi Malaysia Sihat Sejahtera Edisi Januari 2022 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera Edisi Januari 2022.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi Malaysia Sihat Sejahtera  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 4, Blok E7  
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675  
Faks : 03-8888 6187  
E-mel : mona.ang@moh.gov.my

 <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>  
 <https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>  
 <https://twitter.com/KKMPutrajaya>



# e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera

## Isi Kandungan



**MAJLIS AMANAT TAHUN 2022:  
PERKHIDMATAN KESIHATAN  
DIPERTINGKAT DEMI RAKYAT**

**01**

**PROGRAM IMUNISASI  
COVID-19 KEBANGSAAN  
KANAK-KANAK (PICKIDS)**

**07**




**TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME  
(TDP) PERTINGKATKAN KUALITI  
KEPIMPINAN**

**09**

**MAJLIS PELANTIKAN KETUA & TIMBALAN  
PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU**

**11**



**MAJLIS AMANAT TAHUN 2022:  
PERKHIDMATAN KESIHATAN  
DIPERTINGKAT DEMI RAKYAT**



**M**ajlis Amanat Tahun Baharu 2022 telah disampaikan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan. Dalam majlis tersebut, YB Khairy telah menyampaikan amanat kepada warga kerja IPKKM dengan saranan agar warga kerja sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan terutamanya ketika negara dilanda COVID-19. Dalam majlis amanat tersebut, YB Khairy menekankan 4 teras utama amanat iaitu pasca pandemik, melunaskan tanggungan, tawaran baharu dan kalis masa hadapan.





## KERAJAAN & BADAN BUKAN KERAJAAN BERGANDING BAHU AKHIRI AIDS



**M**ajlis Pelancaran Inisiatif Mengakhiri AIDS Melalui Kerjasama Pintar Kerajaan-Badan Bukan Kerajaan (*Government Organization-Non-Government Organization*) atau GO-NGO Model KK 2.0 Peringkat Kebangsaan di Perkarangan Klinik Kesihatan Pandamaran, Klang telah dihadiri oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan pada 16 Januari 2022. Dalam ucapan perasmian YB Menteri Kesihatan

menyatakan bahawa dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengawal penularan jangkitan HIV, Kementerian Kesihatan mempelopori pendekatan multi-sektoral dan berasaskan masyarakat (*community-based*). Pihak kerajaan melalui KKM juga telah melaksanakan penyaluran peruntukan kepada Majlis AIDS Malaysia yang melebihi 170 juta sejak penubuhannya.





## PERASMIAN LOCKER4U HOSPITAL AMPANG

Lawatan kerja ke Hospital Ampang telah diadakan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia pada 17 Januari 2022. Dalam lawatan ini, beliau telah menyaksikan satu tayangan Video Korporat Hospital Ampang dan diberikan taklimat berkenaan dengan Jabatan Hematologi dan Jabatan Farmasi oleh Ketua Jabatan Hematologi dan Ketua Jabatan Farmasi, Hospital Ampang. Pada masa yang sama, penyampaian amanat oleh YB Khairy kepada kakitangan hospital dan penyerahan Bakul Prihatin kepada Petugas Barisan Hadapan Hospital Ampang sebagai simbolik penerimaan sumbangan. Lawatan kerja tersebut diakhiri dengan Perasmian Locker4u di Jabatan Farmasi dan lawatan ke *Gloria Jean's Coffees*, Hospital Ampang.





## KKM & MOTAC : SESI LIBAT URUS BERSAMA PERSATUAN AGENSI PELANCONGAN (UMRAH)

**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan bersama-sama YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menghadiri Sesi Libat Urus bersama Persatuan Agensi Pelancongan (UMRAH) di Mini Auditorium, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), 19 Januari 2022. Sesi libat urus tersebut adalah mengenai maklum balas hala tuju industri umrah susulan daripada keputusan penangguhan sementara yang sedang berkuatkuasa. Antara perkara yang dibangkitkan pada sesi perbincangan libat urus tersebut adalah SOP berkaitan pelaksanaan perjalanan umrah, isu bayaran balik dan penjadualan semula penerbangan, perlindungan insurans, garis masa pembukaan semula perjalanan umrah dan bantuan pemulihan kepada industri pelancongan.





## KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR REPUBLIK TURKI KE MALAYSIA

**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan telah menerima kunjungan hormat daripada PYT Dr. Merve Kavakci, Duta Besar Republik Turki ke Malaysia pada 17 Januari 2022. Antara perkara yang dibincangkan adalah kolaborasi baharu antara Turki dan Malaysia, cadangan untuk menandatangani satu Memorandum Persefahaman yang merangkumi kerjasama dalam bidang health tourism, Latihan atau fellowship bagi Pegawai Perubatan dari Malaysia. Turut dibincangkan adalah membawa masuk vaksin buatan negara Turki 'Turkovac', pengiktirafan sijil vaksin COVID-19 dan Vaccination Travel Lane (VTL) antara kedua-dua negara.



## TEKNOLOGI PEMBEDAHAN ROBOTIK MEMBERI MANFAAT DALAM BIDANG KESIHATAN



**Y**B Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan telah menerima kunjungan hormat daripada YT Ali Asghar Muhammadi, Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia pada 21 Januari 2022. Antara perkara yang dibincangkan ialah kolaborasi baharu antara Iran dan Malaysia dengan cadangan untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang *health tourism* dengan menjadikan Malaysia sebagai hub


industri perubatan terutamanya pasca pandemik COVID-19. Perkara yang turut dibincangkan ialah cadangan kerjasama pembangunan sistem robotik dalam bidang kesihatan di hospital seperti teknologi *robotic surgery* terutamanya dalam era fasa teknologi 5G yang tentunya akan memanfaatkan penduduk di kawasan luar bandar selain cadangan pengiktirafan lebih banyak universiti di Iran oleh Kerajaan Malaysia.





## PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN UNTUK KANAK-KANAK (PICKIDS)

**S**idang Media Mengenai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKids) telah diadakan di Dewan Serbaguna oleh YB Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 27 Januari 2022. Program ini adalah untuk kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun bermula Februari 2022, menggunakan vaksin mRNA iaitu *Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech)*. Vaksin ini akan dihantar ke 52 pusat simpanan Vaksin *Ultra Low Freezer (ULTF)* di seluruh Negara. Sebagai permulaan pemberian vaksin Pfizer (Kanak-kanak) akan dilaksanakan di Lembah Klang melalui hospital bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah perubatan. Manakala pemberian vaksin bagi kanak-kanak yang tiada masalah perubatan akan diberi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Integrasi. Ibu bapa perlu mendaftar anak-anak sebagai tanggungan (*dependent*) dalam MySejahtera dan akan menerima pautan untuk membuat tempahan janji temu. Semoga program vaksinasi ini membolehkan Malaysia memasuki fasa endemik dan seterusnya pulih sepenuhnya dari impak pandemik COVID-19.



## TURUN PADANG TINJAU PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN PICK-B

**Y**Bhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah meninjau proses Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (*Booster*) PICK-B di PPV Integrasi Axiata Arena. Beliau sangat berpuashati dengan persiapan dan pengurusan serta memberi reaksi positif terhadap usaha kerajaan yang telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Beliau berharap, program ini dapat membendung COVID-19 untuk semua varian terutama varian Omicron yang dihadapi di negara ini. Kini, Malaysia merupakan negara yang ke-13 terbaik pencapaian vaksinasinya di peringkat dunia.

Turut bersama YBhg. Dato' Sri ialah YBhg. Datuk Param Jeeth Singh, Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Kuala Lumpur, Dr. Fadhli, Penyelaras PPV Integrasi Axiata Arena, YBhg. Datin Dr. Noriah daripada PKD Cheras, YBhg. Dato' Dr. Anas Alam Faizil, CEO PH Corp., Mejar Ambrose, Pengurus PPV Axiata Arena, Dr. Hanif dan Dr. Firdaus dari Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.



## TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (TDP) PERTINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN



**Y**Bhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghadiri Sesi *Executive Talk* bagi Program Pembangunan Bakat atau *Talent Development Programme (TDP)* Kohort 3 Modul 5 iaitu *Leadership for Innovation* pada 12 Januari 2022. TDP adalah merupakan sebuah program kepimpinan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan salah satu pelantar kepada peserta untuk meningkatkan kompetensi dan potensi diri yang seterusnya dapat memantapkan ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan warga kerja KKM. YBhg. Dato' Sri KSU telah menyampaikan *Executive Talk* bertajuk *Resilient Leadership: Whole of Government and Whole of Society Approach*. Beliau juga telah berkongsi mengenai konsep *Social Capital* yang merupakan aset yang amat penting untuk menangani dan mempertingkatkan tindakan secara kolektif semasa menghadapi bencana alam ataupun konflik serta semasa pandemik COVID-19.





## PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKESAN MENERUSI *SOFT SKILLS*

**Y**Bhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil peluang untuk mengadakan Mesyuarat Bersemuka Bersama Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri sejurus selepas Majlis Perasmian Inisiatif Mengakhiri AIDS Melalui Kerjasama Pintar (GO-NGO) Model KK 2.0 Peringkat Kebangsaan di KK Pandaraman, Klang pada 16 Januari 2022. YBhg. Dato' Sri KSU telah berjumpa para Pegawai Kesihatan Negeri yang

hadir berikutan cabaran penularan wabak pandemik COVID-19 dan bencana banjir. Beliau juga telah memberi pandangan mengenai pentingnya *soft skills* dalam kepimpinan semasa menerajui jabatan masing-masing supaya penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dipertingkatkan dengan sumber semasa yang terhad.



**MAJLIS PELANTIKAN KETUA & TIMBALAN PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU**



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelantikan Ketua-Ketua Profesion dan Timbalan-Timbalan Ketua Profesion Kesihatan Bersekutu yang baharu dilantik untuk sesi 2022-2023 di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB), Putrajaya pada 21 Januari 2022. Majlis ini merupakan satu pengiktirafan kepada 56 orang Ketua dan Timbalan Ketua Profesion Kesihatan Bersekutu yang bakal menerajui kepimpinan perkhidmatan kesihatan bersekutu. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham mengucapkan terima kasih kepada semua profesional kesihatan bersekutu yang telah bersama-sama KKM dalam mengharungi pandemik COVID-19 ini.



